

27/05/1999

Jalur Gemilang: PM ucap tahniah kepada TUDM

KUALA LUMPUR, Rabu - Kejayaan pesawat Hercules C130 Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) menerbangkan tiang layar Jalur Gemilang (JG) ke kepulauan Falklands mendapat ucapan tahniah daripada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ucapan tahniah Perdana Menteri kepada Pegawai Pemerintah Skuadron (TUDM) Subang, Lt Kol Fadhil Sheikh Ahmad yang mengetuai misi serta anak kapal C130 itu, disampaikan menerusi sepucuk surat hari ini.

Dr Mahathir berkata, usaha membawa tiang layar dari Australia ke kepulauan Falklands itu, bagi membolehkan Azhar Mansor meneruskan pelayarannya untuk mencatat rekod mengelilingi dunia secara solo dengan kapal layar.

"Penerbangan pesawat Hercules C130 itu, adalah satu rekod bagi sebuah pesawat jenis itu, mengelilingi dunia melalui Southern Route.

"Keazaman dan ketahanan yang tinggi ini adalah semangat yang saya harapkan daripada setiap rakyat Malaysia.

"Jikalau kita berazam dan melakukannya dengan penuh komitmen kita akan memperolehi kejayaan, dan ini telah ditunjukkan oleh anak-anak kapal pesawat Hercules C130, dan begitu juga oleh Azhar Mansor dalam keazamannya mengelilingi dunia seorang diri," katanya.

Pesawat itu turut membawa 17 anak kapal dan 10 wakil media selamat tiba di pangkalan TUDM Subang, selepas berlepas dari Dubai; dan pesawat itu sekaligus melengkapkan penerbangannya mengelilingi dunia, yang bermula 8 Mei lalu.

Pasukan itu berlepas dari Kuala Lumpur, untuk membawa tiang layar sepanjang 22 meter berharga RM150,000 dari Brisbane, Australia dan membuat beberapa persinggahan di Darwin (Australia), Fiji, Tahiti, Isla de Pascua (Pulau Easter) dan Santiago sebelum mendarat di kepulauan Falklands pada 12 Mei.

Pesawat itu kemudian meneruskan penerbangan pulang dan singgah di Comodoro Rivadavia (Argentina), Porto Alegre dan Recife di Brazil dan Accra, Ghana.

Di Accra, mereka terkandas selama enam hari kerana tidak mendapat kelulusan untuk melintasi ruang angkasa Braziville dan Kinshasa.

(END)